

Mendepani cabaran  
keluarga Muslim

*WAHAI orang-orang yang beriman! Pelihara diri kamu dan keluarga kamu dari Neraka yang bahan-bahan bakarannya: Manusia dan batu (berhala); Neraka itu dijaga dan dikawal oleh malaikat-malaikat yang keras kasar (layanannya); mereka tidak menderhaka kepada Allah dalam segala yang diperintahkan-Nya kepada mereka, dan mereka pula tetap melakukan segala yang diperintahkan. (at-Tahrim: 6)*

Sementara itu, hadis Rasulullah SAW yang bermaksud: *Setiap anak yang dilahirkan itu adalah umpama kain putih (fitrah), ibu bapalah yang bertanggungjawab mewarnakan dan mencorakkannya, sama ada menjadi Yahudi, Nasrani dan Majusi... (riwayat Bukhari dan Muslim)*

**S**AYANGNYA, realiti dalam masyarakat kita, terlalu banyak permasalahan yang melanda keluarga Muslim hari ini. Kes-kes keganasan rumah tangga sama ada secara fizikal, mental dan seksual kerap kita dengar. Begitu juga dengan kes perceraian sehingga mencecah belasan ribu kes setiap tahun.

Selain itu, kita turut dipaparkan dengan kisah suami meninggalkan isteri dan anak-anak tanpa khabar berita, apatah lagi melunaskan tanggungjawab menyediakan nafkah. Gejala sosial di kalangan remaja seperti; penagihan dadah, lepak merempit, seks bebas, juga semakin meruncing dari sehari ke sehari. Yang membimbangkan bilangan ini sentiasa dijuarai oleh kelompok Muslim.

Hakikatnya, semua ini adalah petanda bahawa keluarga Muslim di negara ini sudah tidak lagi berpandukan kepada ajaran agama Islam dalam melayari kehidupan ini.

Tambah malang, apabila ada segelintir daripada golongan ini langsung tidak mengendahkan garis panduan bagi mencapai kebahagiaan di dunia dan di akhirat sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Allah SWT. Mereka lebih suka memilih atau mencari jalan sendiri dalam kehidupan yang serba mencabar ini.

*Keseriusan* permasalahan di atas ini turut diakui Pengerusi Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Tun Ahmad Sarji Abdul Hamid dalam ucapan beliau ketika berucap pada Seminar Institusi Keluarga Mendepani Cabaran Semasa pada penghujung Mei lalu di IKIM.

Terang beliau, dalam satu kajian mendapati 34.7 peratus wanita bekerja menghantar anak kepada saudara mara untuk dijaga apabila mereka keluar bekerja, 19.2 peratus lagi menghantar

## Ragam & Pengajaran

jiran, 13 peratus menghantar anak ke pusat asuhan dan 7.9 peratus menggunakan khidmat pembantu rumah.

“Walau apapun bentuk jagaan yang dipilih, apa yang penting ibu bapa itu tidak mengabaikan tanggungjawab mereka dalam soal mendidik anak-anak. Tidak salah ibu bapa mengharapkan orang lain menjaga anak-anak, khususnya apabila keluar bekerja namun tanggungjawab mendidik anak masih terpicul di bahu ibu bapa.

“Malah dalam Laporan Keselamatan Kehidupan Dalam Talian Norton 2009 yang dilakukan di kalangan 9000 orang dewasa dan kanak-kanak di 12 negara di seluruh dunia mendapati, golongan dewasa melayari Internet tiga jam sehari atau 89 jam sebulan berbanding kanak-kanak, kira-kira 39 jam sebulan. Ini menjelaskan bahawa ICT pada hari ini merupakan sebahagian daripada kehidupan dua golongan ini dan sudah pastinya, golongan remaja.

“Selain komputer berInternet, telefon

bimbit turut menjadi kegilaan remaja. Ia mendedahkan remaja kepada kegiatan tidak sihat yang mampu merosakkan pemikiran dan masa depan generasi muda ini. Di samping itu, ibu bapa juga perlulah berhati-hati berkaitan aspek pergaulan anak-anak terutamanya dalam memilih rakan sebaya. Ini kerana

pengaruh rakan sebaya amatlah kuat,” kata beliau yang berharap sebahagian cabaran-cabaran yang mendepani institusi keluarga dapat di atasi menerusi penglibatan para peserta pada forum dua hari itu.

Pada sesi satu seminar itu, Ketua Pengarah Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), Datuk Aminah Abdul Rahman dalam kertas kerjanya bertajuk, ‘Profil Keluarga di Malaysia dan Kesannya Kepada Keluarga’ turut

sependapat dengan Ahmad Sarji. Oleh itu, tegas beliau kefungsian keluarga dan peranan institusi itu amat penting ke arah pembangunan insan, pembentukan dan perkembangan manusia, pembangunan potensi setiap ahli keluarga dan mencorakkan perkembangan dan kesejahteraan rakyat. “Institusi keluarga di Malaysia sedang



**AMINAH ABDUL RAHMAN**

6 Kestabilan institusi perkahwinan perlu dititikberatkan seperti menangani senario kahwin lewat dan perceraian. Kesedaran mengenai perkahwinan dan kepentingan hidup berkeluarga perlu diperluas supaya senario pembujangan tidak menjadi satu budaya dalam masyarakat

melalui perubahan dan transisi tanpa disedari. Keupayaan keluarga untuk mengharungi arus permodenan dan pembangunan menjadi antara isu utama yang perlu diberi perhatian.

“Maka kita perlu lebih berdaya tahan dalam menangani cabaran-cabaran hidup seperti penjagaan anak terutama bagi pasangan dwi-kerjaya, pengurusan kewangan, keibubapaan anak remaja dan tanggungjawab kepada ibu bapa tua,” katanya

Aminah turut menggariskan beberapa kesan kehidupan kekeluargaan yang perlu diambil perhatian di antaranya;

“Peningkatan dalam kumpulan umur bekerja merupakan bonus demografi kepada negara. Penduduk dikatakan berada pada tahap optimum di mana manfaat dapat diperolehi hasil daripada pelaburan ekonomi yang produktif kerana tanggungan ekonomi adalah rendah dan secara relatifnya terhadap ramai pekerja yang menanggung





AHMAD Sarji Abdul Hamid (kanan) bersama Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Senator Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil (dua dari kanan) bermesra dengan para pembentang pada Seminar Institusi Keluarga Mendepani Cabaran Semasa pada penghujung Mei lalu di IKIM.





**PARA peserta pada Seminar Institusi Keluarga Mendepani Cabaran Semasa yang berlangsung baru-baru ini.**

penduduk yang bukan produktif. Pada kesempatan ini, pelaburan ke atas pembangunan sosial perlu diperhebatkan, terutamanya kepada golongan remaja ke arah pembentukan sahsiah diri yang jitu dan resilien.

“Kestabilan institusi perkahwinan perlu dititikberatkan seperti menangani skenario kahwin lewat dan perceraian. Kesedaran mengenai perkahwinan dan kepentingan hidup berkeluarga perlu diperluas supaya skenario pembujangan tidak menjadi satu budaya dalam masyarakat.

“Pendidikan kemahiran keibubapaan berteraskan tanggungjawab bersama antara suami dan isteri perlu diutamakan agar peranan yang dimainkan lebih signifikan ke arah membina keluarga sejahtera.

“Intervensi untuk membimbing golongan remaja perlu diperhebatkan kerana golongan ini bakal menjadi pewaris di dalam masyarakat negara ini. Langkah ini juga dilihat mampu membendung gejala sosial yang semakin membarah.

“Penerapan nilai-nilai murni dibudayakan dalam masyarakat dan nilai ini perlu disemarakkan sebagai tonggak utama mengukuhkan institusi keluarga agar lebih berdaya tahan, sekali gus menyatupadukan masyarakat.

“Menyedari hakikat bahawa institusi keluarga kini

perlu diberi sokongan, perhatian yang khusus dan program-program berbentuk *support system* perlu dilaksanakan secara istiqamah.

“Warga emas perlu diberi perhatian yang sewajarnya seperti memperbanyakkan prasarana dan kemudahan komuniti yang mesra warga emas. Ia sekali gus membantu mereka mengisi masa lapang dengan aktiviti yang sihat dan bermanfaat.

“Agensi-agensi kerajaan serta pihak berkenaan yang terlibat secara langsung dan tidak dalam perancangan dan penggubalan dasar mahupun perancangan pembangunan negara perlu memberi keutamaan kepada pembangunan sosial dan ekonomi.

#### STATISTIK PENCERAIAN DI KALANGAN ORANG ISLAM

Tahun	Jumlah
2006	19,475
2007	21,051
2008	20,294

● Sumber: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim)

## Penyelewengan seks

### Kalamullah

*Dan Nabi Lut juga (Kami utuskan). Ingatlah ketika ia berkata kepada kaumnya: "Patutkah kamu melakukan perbuatan yang keji, yang tidak pernah dilakukan oleh seorang pun daripada penduduk alam ini sebelum kamu?" (al-A'raf:80)*

#### Huraian

Penyelewengan keinginan seks yang berlaku dewasa ini sebenarnya telah berlaku sejak zaman Nabi Lut as lagi. Antaranya ialah perbuatan liwat (homoseksual) yang diceritakan dalam kisah kaum Nabi Lut sehingga Nabi Lut sendiri mengatakan kepada mereka bahawa mereka adalah peneroka-peneroka pertama dalam keinginan seks yang ganjil yang tidak dijadikan

Allah di dalam fitrah manusia. Nabi Lut juga menyatakan bahawa tidak ada manusia yang mendahului mereka dalam penyelewengan seks yang keji itu.

Perbuatan liwat amatlah keji di sisi Islam kerana ia berlawanan dengan fitrah semula jadi keinginan seks manusia dijadikan Allah. Fitrah semula jadi keinginan seks oleh manusia adalah bertujuan untuk meneruskan zuriat manusia berkembang biak di atas muka bumi Allah SWT ini.

#### Kesimpulan

Sebagai umat Islam kita hendaklah menjauhi daripada melakukan penyelewengan seks sebagaimana umat Nabi Lut as kerana perbuatan maksiat itu akan mengundang bala bencana daripada Allah SWT. Keinginan seks hendaklah disalurkan melalui cara yang betul sebagaimana yang telah ditetapkan dalam Islam melalui ikatan pernikahan yang suci.



## Apa kata pembentang

● **PROF. MADYA DR. RUMAYA JUHARI**  
Jabatan Pembangunan Manusia & Pengajian  
Keluarga Fakulti Ekologi Manusia, Universiti  
Putra Malaysia (UPM)

"Manusia hidup mengikut peredaran dan tuntutan zaman masing-masing. Kemahiran dan keupayaan menyesuaikan diri mengikut keperluan dalam zaman tersebut merupakan antara elemen penting yang boleh membantu individu dan keluarga mencapai kesejahteraan dalam hidup.

"Bagi keluarga Muslim, usaha menyesuaikan diri bukan hanya merupakan panduan untuk hidup di dunia sahaja tetapi ia lebih menjadi sebagai pelaburan ke arah kehidupan yang diberkati di dunia dan di akhirat nanti.

"Menyedari konflik yang bakal wujud akibat daripada pasangan dwi kerjaya, maka semua pihak perlu sepakat mahukan penyelesaian praktikal dalam membantu menjayakan kehidupan kelompok ini. Bermula dengan faktor penyesuaian peranan dan diri pasangan suami isteri serta pengurusan masa, bermula dengan kecekapan menyusun atur kepentingan aktiviti," kata beliau.

● **ROHAIZAK OMAR @ ABD. RAHIM**  
Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi  
Multimedia Universiti Terbuka Malaysia

"Teknologi perisian telah banyak dibuktikan mampu membantu kanak-kanak mempelajari dan meningkatkan kemahiran literasi, asas matematik, interaksi sosial mereka dan beberapa kemahiran yang lain.

"Oleh itu, ibu bapa dan para pendidik perlu tahu jenis-jenis perisian untuk kanak-kanak dan impak setiap perisian tersebut ke atas kanak-kanak ini. Di samping pemilihan, penggunaan perisian juga perlu melibatkan orang dewasa, bagi memastikan kanak-kanak dapat dibimbing, sekali gus menerima manfaat yang maksimum daripada penggunaan perisian tersebut," jelasnya.



● **SHAIK MOHD. SAIFUDEEN**  
**SHAIKH MOHD. SALLEH**  
Pengarah Eksekutif, Yayasan Ilmuan

"Setiap teknologi yang dibangunkan oleh manusia sebenarnya bersifat pedang yang bermata dua. Ini bermakna teknologi boleh mendatangkan kemanfaatan yang besar tetapi pada masa sama, jika tidak berhati-hati ia boleh menyebabkan kemudaratan yang tidak kurang besarnya.

"Kemajuan dan kecanggihan ICT memang tidak dapat dinafikan lagi. Ini pastinya akan membawa banyak cabaran kepada ibu bapa dalam membesarkan anak-anak dalam persekitaran yang digerakkan oleh teknologi khususnya ICT.

"Sehubungan itu, menjadi tanggungjawab ibu bapa generasi baru ini dalam memperlengkapkan diri dengan pengetahuan dan maklumat mengenai perkembangan muktahir dalam teknologi supaya mereka dapat melindungi anak-anak daripada gejala yang tidak diingini," terangnya.



● **SITI FATIMAH ABDUL RAHMAN**  
Felo Kanan, Pusat Ekonomi dan Kajian  
Sosial IKIM

"Saya menjangkakan pergantungan masyarakat Malaysia kepada pembantu rumah warga asing akan berterusan untuk satu jangka masa yang panjang. Oleh itu suka saya cadangkan agar majikan tidak terlalu meletakkan harapan tinggi dan serahkan bulat-bulat tugas kepada pembantu rumah dan sekiranya memperoleh pembantu rumah yang bermasalah, hendaklah ia diatasi segera.

"Manakala kepada agen-agen yang menguruskan pengambilan pembantu rumah pula mestilah ada rasa tanggungjawab dalam membekalkan pembantu rumah dengan memberikan perkhidmatan terbaik, memberi latihan secukupnya dan tidak sekadar mengaut keuntungan semata-mata," cadang beliau.

